

Kolej kediaman platform kedua bentuk

12/11/2024 MJS 11



Pengarah Kolej Kediaman, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Oleh Dr Nik Aziz Nik Ali
bhrencana@bh.com.my

Dalam melahirkan mahasiswa berkualiti tinggi dan unggul, pembinaan pengalaman pembelajaran sepanjang tempoh pengajian di kampus sangat penting. Pengalaman pembelajaran ini bukan sahaja berlaku dalam bilik kuliah, tetapi melangkaui aspek penginapan mahasiswa khususnya di kolej kediaman.

Kolej kediaman adalah kemudahan yang sangat diimpikan mahasiswa apabila melangkah masuk ke institusi pendidikan tinggi (IPT). Kolej kediaman bukan sekadar tempat tinggal tetapi ia menjadi ekosistem dinamik mengasah karakter mahasiswa.

Selain itu, kolej kediaman juga platform pembelajaran kedua dan arena pengembangan diri holistik bagi membentuk minda dan watak mahasiswa.

Pelbagai aktiviti sosial, akademik, sukan dan kebudayaan dijalankan di kolej kediaman, membuka pintu kepada pengetahuan baharu dan cabaran intelektual. Interaksi dengan rakan sebilik dan ahli kolej yang mempunyai minat pelbagai turut menggalakkan pertukaran idea, pengalaman dan memperluaskan jaringan sosial mahasiswa.

Mahasiswa menginap dalam persekitaran yang mana perbezaan budaya, latar belakang, pandangan

dan agama. Perkara ini dapat membentuk sikap empati, toleransi dan pemahaman penting dalam dunia tanpa sempadan ini.

Hubungan dengan rakan sebilik dan warga komuniti kolej dapat membangunkan kemahiran komunikasi, kerjasama dan pengurusan konflik. Pembentukan watak dalam kolej kediaman tidak hanya berhenti pada aspek sosial sahaja, namun ia membentuk watak dalam kepemimpinan.

Pelbagai jawatan dalam jawatankuasa kolej memberi peluang kepada mahasiswa membabitkan diri dalam pengurusan aktiviti, keselamatan, kesihatan dan protokol majlis. Perkara ini membentuk pemimpin berkeupayaan, peka terhadap isu semasa dan mampu berdepan dengan cabaran dalam pengurusan berbilang budaya dalam kalangan mahasiswa kolej.

Selain itu, pengalaman menginap di kolej kediaman juga dapat melatih mahasiswa menguruskan diri dengan baik. Mahasiswa perlu memastikan waktu pengajian, istirahat dan aktiviti sosial seimbang. Mereka perlu berdikari menguruskan kemahiran perancangan masa, penyelesaian masalah dan menguruskan tekanan akademik.

Pengalaman sebegini dapat membentuk kemahiran menguruskan diri, kemandirian dan kecekapan hidup mereka kelak. Dengan memanfaatkan pengalaman di kolej kediaman dengan baik, mahasiswa dapat membangunkan diri mereka dengan lebih berkesan dan dapat mengadaptasi di dalam masyarakat yang

watak mahasiswa

kompleks dan berubah-ubah.

Keselesaan, kebajikan paling utama

Inilah pembelajaran kritikal dan bernilai bagi mempersiapkan mereka menghadapi realiti kehidupan selepas tamat pengajian. Penting untuk diingat pembentukan minda dan watak di kolej kediaman tidak berlaku secara terpisah. Sebaliknya, keduanya berinteraksi dan saling memperkuat.

Kemampuan menyelesaikan masalah, berfikir kritis dan membuat keputusan bijak dapat membentuk minda dan watak lebih berkesan serta berdaya saing. Justeru, bagi melahirkan mahasiswa sedemikian, pengurusan pembangunan kemudahan di kolej kediaman sangat penting dan perlu dititikberatkan.

Penyelenggaraan kolej kediaman usang perlu dilihat sebagai perkara utama di sesebuah IPT kerana majoriti mahasiswa menginap di situ. Keselesaan dan kebajikan mahasiswa perlu diambil berat kerana itulah kunci perkembangan minda dan watak lebih sempurna.

Justeru, pengalaman berada di kolej kediaman adalah platform terbaik membentuk perkembangan holistik mahasiswa. Kolej kediaman kondusif bukan hanya diterjemah dengan keadaan fizikal bangunan dan kemudahan selesa, tetapi bagaimana ia dapat mencorak dan melakar pengalaman pembelajaran terbaik kepada mahasiswa yang akhirnya akan membentuk minda dan watak lebih matang.